

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pasar produk guna SMEAPPZ.COM	Harian Metro
2.	Kredibiliti Fadilah Baharin	Kosmo
3.	Paras tak naik	Berita Harian
4.	Siren tak berfungsi	Harian Metro
5.	Cloud seeding to begin next week if conditions right	The Star
6.	Ribut petir dijangka berterusan sehingga awal petang ini	Bernamea.com
7.	Pembenihan awan diterus sampai empangan penuh	Kosmo
8.	Hujan lebat, air masih dicatu	Kosmo
9.	Wet days ahead	The Sun
10.	Latihan bersama tangani tumpahan bahan kimia	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (METROPLUS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)



DARI kiri, Dr Abu Bakar, Firdaus dan Zulkifli Fitri menunjukkan contoh iklan yang menggunakan aplikasi telefon pintar.

Pasar produk guna SMEAPPZ.COM

Jasin: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dengan kerjasama syarikat teknologi maklumat, SME Cloud Sdn Bhd dan Melaka Halal Hub mewujudkan satu aplikasi telefon pintar dikenali sebagai SMEAPPZ.COM kepada usahawan kecil dan sederhana di negeri ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Md Diah berkata, seramai 25 usahawan kecil di Melaka dibimbing untuk menggunakan aplikasi Apple IOS dan telefon pintar untuk memasarkan produk mereka secara percuma.

"Usahawan akan dibimbing memasarkan produk mereka melalui iklan menggunakan aplikasi telefon pintar dengan nama produk dan orang ramai hanya perlu memuat turun maklumat produk diminati melalui telefon

pintar mereka.

"Kita boleh lihat produk tempatan seperti dodol, baulu Melaka, sambal belacan dan sebagainya dapat dipasarkan dari kampung ke luar negara, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi usahawan berkeuntungan," katanya selepas merasmikan Program Bengkel Mobile Apps kepada Usahawan Kecil dan Sederhana di bilik seminar Melaka Halal Hub, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif SME Cloud Sdn Bhd, Firdaus Ismail dan Pengurus Besar TPM, Zulkifli Fitri Ismail.

Menurutnya, usahawan terpilih pada bengkel berkenaan terdiri daripada kalangan berpotensi dan komited.

"Buat masa ini, kita menasarkankan usahawan di Melaka dan jika berjaya, kita akan luaskan program," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 11 APRIL 2014 (JUMAAT)

JUMAAT 11 APRIL 2014

Pesona

WANITA • KELUARGA • KESIHATAN

BENKEL MEWARNA
BATIK SENDIRI **36**

TIPU DAYA
ILMU SIHIR **39**

Kredibiliti Fadilah Baharin

SELAMI GAYA HIDUP KONTEMPORARI DALAM **Kosmo!**



8 HALAMAN
SETIAP HARI

6 HARI
SEMINGGU

Wanita peneraju Standards Malaysia

Kejayaan Fadilah dalam mengetuai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan banyak dipengaruhi dengan corak kehidupan ketika menetap di Singapura pada zaman kanak-kanaknya.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

BERGELAR Ketua Pengarah Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia), Fadilah Baharin, 53, membuktikan bahawa wanita juga mampu menjadi pemimpin yang baik dalam menerajui sesuatu organisasi.

Malah, kejayaan beliau sebagai wanita pertama yang dilantik untuk mewakili Malaysia dalam Majlis Tertinggi International Organization for Standardization (ISO Council) bagi sesi 2013-2015 merupakan satu pencapaian yang membanggakan negara.

Justeru, sukar untuk menafikan kepuyaan anak kelahiran Alor Gajah, Melaka itu dalam melaksanakan setiap amanah yang terpujil di bahunya. Ia perlu dicontohi bukan sahaja kaum Hawa tetapi juga kaum Adam di luar sana.

Peluang menyusuri liru-liru kehidupan yang dilalui Fadilah dalam satu temu bual eksklusif di pejabatnya yang terletak di Cyberjaya pertengahan Mac lalu, membuka ruang untuk mengenali figura hebat ini.

Istimewa

Merupakan anak ketiga daripada lima beradik, Fadilah sering dianggap ibunya, Allahyarhamah Minah Mokhtar sebagai seorang anak yang istimewa sejak kecil.

Sifat ingin tahu dan keberanian yang dimiliki membuatkan Fadilah rajin bertanya jika ada sesuatu yang membeleggu fikirannya.

Menurut beliau, perwatakannya itu sebenarnya dipengaruhi dengan corak kehidupan ketika dibesarkan di Singapura kerana mengikut ayahnya, Allahyarham Baharin Mohamad yang bertugas sebagai anggota polis.

"Persekitaran di sana amat berbeza. Radius kehidupan saya disekelilingi orang-orang Cina. Tanpa ada pilihan, kami perlu bercakap dalam bahasa Inggeris untuk sebarang komunikasi kerana tidak ada yang faham jika saya bertutur dalam bahasa Melayu.

"Di rumah juga, kami lebih senang berbahasa Inggeris dalam kalangan ahli keluarga kecuali emak. Kadang-kadang bila bercakap dengan emak ibarat seperti perbualan ayam dan itik.

"Saya cakap 'orang putih' emak

balas dalam bahasa Melayu. Memang kelakar bila difikirkan. Tetapi lama-kelamaan ia jadi satu kebiasaan buat kami sekeluarga," imbau Fadilah yang memanggil emak dan ayahnya sebagai Mommy dan Daddy kerana mengikut suasana di kota itu.

Tambah beliau, sejak dari tadika hingga darjah lima, semua rakan-rakannya terdiri daripada kaum Cina dan hubungan mereka sangat baik. Kawan Melayu pula, boleh dikira dengan jari.

Oleh itu, apabila pulang ke Malaysia pada usia 12 tahun, Fadilah mengalami satu tekanan yang hebat kerana perubahan budaya, persekolahan dan persekitaran hidup yang jelas berbeza.

"Di Singapura, saya telah pun menduduki Primary School Leave Examination (PSLE) yang membolehkan saya terus melanjutkan persekolahan ke peringkat menengah. Namun, di Malaysia selepas penilaian darjah lima, kita perlu menghabiskan pelajaran darjah enam sebelum ke sekolah menengah.

"Keadaan ini yang membuatkan saya tertekan dan kecewa kerana perlu mengulangi apa yang telah dipelajari. Kemudian, di kampung saya masih lagi berkawan dengan pelajar Cina hingga makan di restoran mereka menyebabkan saya dipandang serong oleh masyarakat," cerita Fadilah yang melalui pelbagai transformasi terutama budaya pada awal usianya.

Namun, bertitik tolak dari situlah Fadilah akhirnya menerima nasihat dari seorang guru bernama Long Chai Kok yang memujuknya agar kembali menjalani kehidupan asas sebagai se-

orang Muslim.

"Sejak itu, saya belajar bagaimana bergaul dengan orang, menanggapi perbezaan dan berkelakuan baik dengan masyarakat pelbagai kaum," kata Fadilah yang mengakui sering diejek rakan kerana tidak fasih berbahasa Melayu.

Atlet harapan

Sewaktu belajar di Sekolah Menengah Inggeris Alor Gajah dari tingkatan satu hingga tiga, Fadilah sangat aktif dalam aktiviti kokurikulum. Beliau merupakan atlet harapan yang terlibat dalam sukan olahraga, hoki dan pertandingan debat hingga mewakili sekolah, zon dan negeri.

Malah, beliau juga pernah bergelar kapten pasukan hoki sekolahnya. Begitu juga apabila menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Sains Melaka, Fadilah tetap aktif dalam pelbagai aktiviti.

Ketika di tingkatan empat, Fadilah merupakan pelajar kumpulan kedua di sekolah tersebut. Jadi, beliau dan rakan-rakan mencipta banyak perkara baharu seperti aktiviti walkaton untuk mengumpul duit dari orang kampung maraton dan sebagainya.

"Walaupun aktif, tetapi Alhamdulillah, ia tidak menjejaskan pencapaian akademik saya. Ini anugerah Allah buat saya yang amat disyukuri," jelasnya.

Sebelum keputusan Sijil Pelajaran Malaysia diumumkan, Fadilah telah di-



MESKIPUN sibuk dengan kerjaya, Fadilah tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang ibu terhadap empat anaknya.

hantar melanjutkan pengajian di peringkat A-Level di Kolej Devon, Barnstable, England pada tahun 1981.

Kemudian, beliau menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Kesihatan & Fizik Alam Sekitar (fokus dalam perlindungan radiasi) di Universiti Salford, England selama tiga tahun.

Sebaik tamat pengajian, Fadilah nyaris-nyaris tidak mahu pulang ke Malaysia kerana mendapat tawaran bekerja di sana. Bagaimanapun, pesanan emak dan juga kata-kata daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu bergelar Menteri Pelajaran melembutkan hati Fadilah.

"Saya masih ingat emak menangis dalam telefon menyuruh saya pulang



WANITA berusia 53 tahun ini gemar membaca pelbagai genre buku yang tersusun rapi di dalam pejabatnya untuk menambah pengetahuan.



BEKAS survivor kanser payudara ini berjaya membuktikan kemampuannya mengemudi sebuah organisasi (tinggi) seperti Standards Malaysia.

KERATAN AKHBAR KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 35 TARIKH : 11 APRIL 2014 (JUMAAT)

INFO

Fadilah Baharin

- Dilahirkan pada 13 Ogos 1961
- Berasal dari Alor Gajah, Melaka
- Mempunyai empat cahaya mata hasil perkongsian hidup selama hampir tiga dekad bersama arwah suami, Hashim Umar yang meninggal dunia pada tahun 2009.
- Merupakan bekas survivor penyakit kanser payudara yang dikesan pada tahun 2008.
- Menyertai Jabatan Standards Malaysia pada tahun 2000 sebagai pengarah
- Dilantik sebagai ketua pengarah pada tahun 2006.
- Menjadikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai idola dalam kerjayanya.
- Sentiasa berfikir positif menjadi keutamaan Fadilah dalam menjalani kehidupan sehari-hari.
- Gemar bercuti bersama anak-anaknya jika ada kelapangan.

Jabatan Standards Malaysia

Century Square,
Tingkat 1 & 2, Blok 2300,
Jalan Usahawan, 63000
Cyberjaya, Selangor.
Telefon: 03-8318 0002
Laman web:
www.jabatanstandardsmalaysia.gov.my
Facebook:
www.facebook.com/standardsmalaysia

selepas mendapat segulung ijazah. Kemudian, amanat Tun kepada pelajar ketika datang ke London yang berbunyi, *You are very selected to come here. So, if you love your country, please come back and serve* meruntun jiwa saya. "Hakikatnya ketika itu, kumpulan pelajar yang sama dengan saya semuanya pulang ke Malaysia dan berkhidmat untuk negara," ujar Fadilah yang merupakan pemegang biasiswa Jabatan



KEBANGGAAN negara. Fadilah (tiga dari kanan) sewaktu dilantik mewakili Malaysia dalam Majlis Tertinggi ISO Council di San Diego, California, Amerika Syarikat pada tahun 2012.

Perkhidmatan Awam.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1984, Fadilah terpaksa menganggur selama tujuh bulan sebelum dipanggil bertugas sebagai pegawai penyelidik di Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang ditubuhkan pada tahun 1985.

Tugas

Antara tugas yang dilakukan ialah mencipta peraturan pertama pengawalan mengenai standard asas keselamatan bagi penggunaan nuklear yang dikuatkuasakan pada tahun 1987.

Selepas itu, Fadilah dipinjamkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) yang kini dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun 1989 untuk membangunkan satu entiti baharu yang dinamakan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi (MASTIC).

Malah, beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab mencipta Laporan Indikator Sains & Teknologi Malaysia yang masih digunakan hingga sekarang serta menghasilkan klasifikasi baharu terhadap Definisi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

"Saya bersyukur kerana sepanjang kehidupan ini, saya selalu mencipta sesuatu yang baharu. Saya percaya apa jua kerja yang diberikan, perlu diambil sebagai satu amanah untuk dilaksanakan sebaik mungkin.

"Tidak perlu kita canangkan kepada khalayak tetapi orang akan nampak sendiri hasilnya. Di mana sahaja kita pergi, kita harus menjadi ejen pengubah yang membawa ke arah kebaikan," tegas Fadilah sekali gus memperlihatkan kewibawaannya sebagai pemimpin.

FADILAH (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Persis Management Sdn. Bhd., Fe Jazzareen Mor Japar Khan meneliti laporan kajian mengenai Industri Halal Malaysia dalam satu majlis di Kuala Lumpur awal tahun lalu.



Badan tetap standard piawaian Malaysia

DITUBUHKAN pada 28 Ogos 1996, Jabatan Standards Malaysia (Standards Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (Mosti) serta merupakan Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan.

Ia bertanggungjawab membangunkan standard untuk kegunaan industri melibatkan aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Badan penguatkuasa boleh merujuk standard tersebut dalam peraturan atau undang-undang, contohnya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk pensijilan kelulusan sesuatu produk.

Melalui aktiviti standardisasi dan perkhidmatan akreditasi yang membawanya, Standards Malaysia memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan bagi peningkatan daya saing global.

"Peranan kami adalah untuk memastikan pengguna atau organisasi mendapat kualiti yang baik bagi setiap barangan mahupun perkhidmatan yang digunakan. Contohnya, produk halal atau barangan elektrik.



FADILAH (dua dari kanan) menyampaikan Sijil Akreditasi Makmal ISO IEC 17025 kepada Universiti Teknologi Petronas di Perak baru-baru ini.

"Selain itu, kami juga membantu memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa dengan mengurangkan halangan perdagangan antarabangsa demi memajukan ekonomi negara serta meningkatkan daya saing

Malaysia di peringkat dunia," ujar Ketua Pengarah Standards Malaysia, Fadilah Baharin.

Sepanjang 18 tahun ditubuhkan, Standards Malaysia telah berjaya membangunkan lebih daripada 6,300

Malaysian Standard (MS) dan menawarkan perkhidmatan akreditasi untuk menyumbang secara positif kepada ekonomi, masyarakat, alam sekitar dan kesejahteraan negara.

Menurut Fadilah, antara cabaran yang dihadapi ialah untuk memperkasakan budaya kualiti dalam kalangan warga jabatan di samping menjalin kerjasama dengan pihak lain terutama penguat kuasa bagi mempromosi dan menyelaraskan MS ini.

"Setakat ini, terdapat 438 standard yang telah dimandatori oleh penguat kuasa seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya.

"Saya berharap jumlah ini akan bertambah seiring dengan peningkatan kesedaran rakyat dan industri terhadap kepentingan standard dan kualiti," kata beliau sambil memberitahu pihaknya telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti Program *Speak Up*, Program Kesedaran Standard dan Jelajah Sekolah dalam usaha menyalurkan maklumat kepada masyarakat.

PARAS TAK NAIK

» Kemungkinan darurat bekalan air di Lembah Klang tidak dapat dielak



Oleh Mohd Nasarudin Parzi dan Syalikhah Sazili
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Berdasarkan jumlah hujan yang diterima pada masa ini, sukar untuk paras air di empat empangan di Selangor mencapai 55 peratus sekali gus mengeluarkan Lembah Klang daripada krisis bekalan air.

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan taburan hujan kurang sepanjang monsun barat daya bermula Mei hingga September ini, mengundang gelombang kedua cuaca kering.

Jika keadaan kering berlarutan, kemungkinan darurat beka-

lan air di Lembah Klang tidak dapat dielakkan lagi sekali gus akan menyaksikan tahap catuan lebih teruk berbanding setiap dua hari pada masa ini.

Sukar dicapai

Pengarah Pusat Cuaca Nasional JMM, Muhammad Helmi Abdullah, berkata taburan hujan pada April di Selangor adalah antara 160 hingga 260 milimeter (mm) dan hujan akan lebih kerap di sebelah petang, bergantung kepada kawasan.

Beliau berkata, pada minggu kedua Mei depan, hujan dijangka mula berkurangan dan berada pada sekitar 100 hingga 150mm, selain kemungkinan memasuki musim cuaca kering sehingga September.

"Tidak mungkin bulan ini akan menerima taburan hujan seperti November (2013) kerana pada April, kebiasaannya kita memasuki monsun barat daya. Jadi, anggaran peningkatan paras air empangan sehingga 55 peratus sukar dicapai," katanya kepada BH, semalam.

Hujan lebih banyak pada April adalah kerana musim peralihan daripada monsun timur laut ke barat daya.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Dr Ismail Kasim, berkata satu mesyuarat khas akan diadakan Rabu ini bagi menentukan status kedudukan terkini bekalan air di Lembah Klang.

Beliau berkata, mesyuarat membabitkan beberapa agensi termasuk Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), JMM serta Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi membincangkan pelan lebih konkrit susulan lanjutan catuan air awal bulan ini.

Bagaimanapun, beliau berkata SPAN dimaklumkan, menerusi penelitian agensi penantau setiap hari, belum ada keputusan mahu mengklasifikasikan catuan ke tahap krisis luar biasa sehingga memaksa darurat diumumkan.

"Belum lagi (darurat), tiada pengumuman seumpama itu (tetapi) ia akan dibincang pada mesyuarat 16 April itu sebelum sebarang pengumuman diputuskan.

"Sehingga kini, pelan mitigasi (catuan) dijalankan pihak SYABAS (Syarikat Bekalan Air Selangor) masih terkawal," katanya yang mengesahkan paras air di empat empangan di Selangor itu kini

semakin merosot, biarpun hujan.

Tiga bulan lagi diperlukan

Krisis air paling buruk pernah direkodkan adalah pada tahun 1998 apabila 4.2 juta orang terpaksa berkongsi 2.553 juta liter sehari, susut 105 juta liter sehari (JLH) daripada bekalan normal.

Bagaimanapun kali ini, keperluan untuk 6.7 juta pengguna berkongsi 4.367 juta liter sehari, susut 533 juta liter sehari.

4 EMPANGAN utama di Selangor terus merosot

1.9 JUTA akaun pengguna terbahit

6.7 JUTA penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terjejas

71 HINGGA 88 hari lagi tempoh empangan bertahan

788 PROJEK perindustrian di Selangor ditangguhkan sejak krisis awal Mac



Kelmarin, Pengarah LUAS, Md Khairi Selamat, memaklumkan tempoh tiga bulan lagi diperlukan supaya kapasiti takungan air di empat empangan itu mencecah tahap 55 peratus, dengan mengambil kira faktor semasa dan kadar taburan hujan yang diterima.

Sehingga kini, Empangan Sungai Selangor hanya mampu membekalkan air selama 71 hari manakala Empangan Klang Gate akan dapat bertahan untuk 88 hari.


Bagi memastikan bekalan air mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna, LUAS memerlukan sekurang-kurangnya 200mm hujan, terutama di Empangan Sungai Selangor supaya paras air berada pada tahap 55 peratus berbanding 37.38 peratus ketika ini.



Penduduk mengisi air dengan menggunakan air mata air di tempat mereka berikutan masalah ketiadaan air di Bandar Tasik Puteri.

(FOTO GHAZALI KORU/ BH)

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 11 APRIL 2014 (JUMAAT)



Satu mesyuarat khas akan diadakan Rabu ini bagi menentukan status kedudukan terkini bekalan air di Lembah Klang

Dr Ismail Kasim
 Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Sikap tak peduli punca krisis berulang

Sikap tidak mahu mengambil teladan daripada krisis air terdahulu menyebabkan masalah sama berulang pada masa ini.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata langkah mengelakkannya berulang termasuk menangguhkan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 (Langat 2).

"Kita pernah menghadapi krisis air pada 1998 apabila tiga empangan air iaitu Empangan Klang Gates, Empangan Batu dan

Empangan Semenyih mengalami tahap penurunan air yang serius disebabkan fenomena El-Nino.

"Apabila darurat air dilaksanakan, catuan akan dijalankan dengan lebih teruk serta setiap isi rumah akan dikenakan had penggunaan air. Sekiranya mereka ingkar mahupun menggunakan air melebihi had, denda boleh dikenakan," katanya kepada BH.

Katanya darurat air dilaksanakan mengikut Seksyen 56 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Ia akan menyaksikan kuasa

diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengenakan syarat atau sebarang tindakan dan mereka juga boleh mengagihkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk melakukan perkara sama.

Turut diberi kuasa
 "Menteri juga akan turut diberi kuasa untuk mengawal atau menghentikan penggunaan air secara umum untuk tujuan tertentu dan di antara waktu tertentu," katanya. Sementara itu, di Shah Alam,

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pembinaan projek Langat 2 akan dilaksanakan serentak dengan proses penstrukturan semula industri air negeri ini.

"Langat 2 adalah sebahagian daripada komponen dalam penyuluran air mentah dan kerajaan negeri sudah menandatangani penerimaan projek ini.

"Sekarang projek itu cuma ditangguhkan kerana kita sedang berbincang penyusunan semula air ini secara holistik," katanya pada sesi soal jawab pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pada 26 Februari lalu, selepas tertangguh hampir enam tahun, kerajaan Selangor membenarkan projek itu diteruskan, selepas mencapai persefahaman dengan Kerajaan Pusat dalam isu penstrukturan semula industri air Selangor.

INFO	Catuan Peringkat Pertama	Catuan Peringkat Dua/ Ketiga	Catuan Peringkat Keempat
	<ul style="list-style-type: none"> 27 Februari hingga 31 Mac 2014 60,185 akaun terjejas Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang 	<ul style="list-style-type: none"> Bermula 10 Mac hingga 31 Mac 2014 722, 032 akaun terjejas Beberapa kawasan di Gombak, Petaling, Kuala Lumpur, Klang, Shah Alam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor 	<ul style="list-style-type: none"> Bermula 4 April hingga 30 April 2014 1.34 juta akaun terjejas Beberapa kawasan di Gombak, Petaling, Kuala Lumpur, Klang, Shah Alam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor



Di **Georgetown**, Ketua Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Teo Yen Hua, berkata Selangor mungkin berhadapan pelaksanaan catuan air lebih panjang berikutan tahap semua empangan belum memuaskan.

Beliau berkata, jumlah itu tidak mencukupi untuk menampung kemungkinan musim kering yang dijangka melanda negara antara Jun hingga Oktober tahun ini.

"Walaupun sekarang ada sedikit hujan, empangan di Selangor masih belum capai tahap selesa.

"Kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini, antara Jun hingga Oktober adalah musim kurang hujan dan perkara itu membimbangkan kita," katanya selepas menghadiri Hari Terbuka Loji Olahan Kumbahan Serantau Jelutong, di sini, semalam.

Siren tak berfungsi

■ Sistem amaran tsunami di Kuala Kedah diselenggara

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
am@hmetro.com.my
Alor Setar

Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) yang dibina di Kuala Kedah, di sini, perlu menjalani kerja penyelenggaraan dan pengujian siren selepas ia dikesan gagal berfungsi sepenuhnya.

Pegawai Operasi Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Azmi Atan mengesahkan perkara itu apabila empat kakitangan agensi itu menjalankan kerja penyelenggaraan dan pengujian SAATNM di kawasan terbabit, semalam.

Menurutnya, kerja penyelenggaraan dan pengujian sistem siren itu dibuat apabila pihaknya mengesan SAATNM di Kuala Kedah gagal berfungsi.

"Kebiasaannya kami menjalankan penyelenggaraan dan pengujian dua kali setahun, namun pihak kami akan segera berbuat demikian bagi memastikan tiada masalah berlaku.

ANTARA siren SAATNM yang dipasang di Masjid Jamek Kuala Kedah.



"Kami berharap orang ramai jangan panik dengan bunyi siren sewaktu penyelenggaraan dan pengujian dijalankan kerana semua maklumat berkaitan kerja dimaklumkan di laman sosial Facebook dan Twitter," katanya.

Mengenai gangguan atau masalah siren SAATNM dilaporkan berbunyi secara tiba-tiba, beliau berkata, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang aduan berhubung perkara itu.

Menurutnya, kebiasaannya siren terbabit berbunyi sewaktu pihaknya menjalankan penyelenggaraan.

"Mustahil ia berbunyi secara tiba-tiba kerana jika terdapat masalah biasanya pihak polis akan segera membuat laporan kepada kami.

"Perkara ini berlaku kemungkinan penduduk tidak sedar atau peka mengenai maklumat kerja penyelenggaraan dan pengujian yang dihebahkan di laman sosial sebelum ini," katanya.

Cloud seeding to begin next week if conditions right

PETALING JAYA: If conditions are satisfactory, cloud seeding over the key catchment areas in Selangor will take place next week, said the Malaysian Meteorological Department.

"We hope it will help relieve the water problem. We will do it at catchment areas," said the department's deputy director-general Alui Bahari.

The cloud seeding is expected to focus on the Sungai Selangor and Klang Gates dams, which are currently at 37.38% and 53.89% respectively.

According to Bahari, cloud seeding has also taken place over the agricultural areas in the northern states.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)



Ribut Petir Dijangka Berterusan Sehingga Awal Petang Ini

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Ribut petir menyeluruh dijangka melanda sekitar kawasan perairan Kedah, Selangor dan Pulau Pinang secara berterusan sehingga awal petang Khamis.

Jabatan Meteorologi Malaysia berkata keadaan itu boleh mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ketinggian ombak mencecah 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Keadaan ini turut diramal berlaku di kawasan perairan Langkawi, Selat Melaka dan Phuket, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)**

Pembenihan awan diterus sampai empangan penuh

KUALA LUMPUR - Operasi pembenihan awan akan diteruskan meskipun kawasan-kawasan di Lembah Klang dan Putrajaya mula menerima hujan eko-ran peralihan Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya sejak awal bulan ini.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) berkata, proses pembenihan awan tersebut akan diteruskan sehingga paras air di kawasan tadahan

mencapai kapasiti sepatutnya.

Menurutnya, sehingga hari ini (semalam), JMM telah melakukan sebanyak 16 kali proses pembenihan awan di sekitar Semenanjung yang tertumpu kepada kawasan empangan.

"Pada hari ini (semalam), pembenihan awan dilakukan di Kedah dan proses berkenaan tertumpu di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di

sekitar Empangan Pedu dan beberapa empangan lain.

"Pada esok (hari ini) pula, proses yang sama akan diteruskan di kawasan tadahan di Perak yang kini mengalami penyusutan di beberapa empangan utama," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Dalam pada itu beliau berkata, proses pembenihan awan akan dilakukan selama tujuh hari bertu-

rut-turut bermula 14 April di Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.

"Ia berikutan paras air di empangan berkenaan kini berada pada kapasiti 37.3 peratus dan ia adalah pada tahap kritikal.

"Operasi pembenihan awan ini akan diteruskan terutamanya di kawasan tadahan supaya paras air di kesemua empangan akan kembali pada paras normal tetapi ia bergantung kepa-

da keadaan atmosfera," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Priscilla Alfred berkata, setakat ini tiada sebarang perubahan jadual catuan mahupun ura-ura untuk memendekkan atau melanjutkan catuan.

"Syabas belum menerima arahan daripada kerajaan

Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melanjutkan tempoh catuan bekalan air sehingga Jun ini.

"Bagaimanapun, kerajaan Selangor dan SPAN mempunyai kuasa untuk membuat pindaan berhubung tempoh catuan bekalan air yang melibatkan 7.1 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)

Warga kota bimbang catuan bekalan air berlanjutan sehingga Ramadan
Hujan lebat, air masih dicatu

Oleh AQMAR ALLADAD,
NOR SHAFAWATI YUP, IKHWAN
HAZWAN HAMIDUN dan AHMAD
SHAHERMAN SHAMSURI
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Jutaan penduduk Lembah Klang kini kehairanan apabila catuan bekalan air yang sudah bermula sejak 27 Februari lalu bukan sahaja masih belum berakhir malah mungkin berlanjutan sehingga Ramadan meskipun hujan hampir setiap hari.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati rata-rata pengguna bingung kerana hujan lebat setiap hari sejak hampir dua minggu lalu di Lembah Klang, namun mereka masih terpaksa berdepan dengan catuan air setiap selang dua hari.

Seorang penduduk

Mohd. Arop NORHISAMUDIN
Mohd. Noor,

66, memberitahu, catuan air yang sudah berlanjutan lebih sebulan cukup memeritkan apatah lagi beliau terpaksa berkongsi bekalan itu bersama lima ahli keluarga yang lain.

“Tolong tamatkan penderitaan kami. Bayangkan kalau catuan air ini berlanjutan sehingga menjelang Ramadan, pasti keadaan kami semakin sukar.



NORHISAMUDIN



PARAS air di Empangan Sungai Selangor di Kuala Kubu Bharu masih belum memuaskan.



AROP

ketika ditemui di Taman Salak Jaya, Seputeh di sini.

Sementara itu, seorang pekerja swasta, **Norhisamudin Hamid**, 37, melahirkan kebimbangan bahawa catuan air yang berterusan akan mendatangkan kesulitan terutamanya kepada dua anaknya yang masih bersekolah.

“Sudah beberapa kali saya dan anak-anak terpaksa mandi di su-

“Hujan lebat boleh dikatakan sudah turun setiap hari, saya pelik kenapa catuan perlu dilanjutkan sehingga bulan Jun,” katanya

rau atau di tempat kerja kerana bekalan air di rumah tidak dapat menampung keperluan kami sekeluarga,” katanya.

Kosmo! semalam melaporkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menjangka catuan air di Lembah Klang mungkin dilanjutkan sehingga awal Ramadan.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi, Azhar Ishak memberitahu, biarpun Perubahan Monsun Timur Laut telah membawa hujan, namun catuan mungkin terpaksa dilanjutkan sehingga Ramadan.

Beliau berkata, ini kerana kapasiti air di Empangan Sungai Selangor masih di paras rendah walaupun hujan setiap hari.

“Paras air di Empangan Sela-

ngor baru mencecah 37.3 peratus dan ia memerlukan sekurang-kurangnya 20 milimeter (mm) hujan setiap hari hanya untuk naik satu peratus.

“Ini bermakna berdasarkan pengiraan kasar, hujan perlu turun sekurang-kurangnya 360 mm sehari sepanjang April bagi membolehkan paras empangan berada pada kapasiti 55 per-

atus,” katanya.

Namun katanya, dengan purata maksimum hujan yang turun pada sekitar 300 mm tidak memungkinkan perkara tersebut berlaku dalam tempoh terdekat.

“Oleh itu, tempoh sehingga bulan Jun depan bagi membolehkan kapasiti empangan berada pada paras 55 peratus adalah realistik dan munasabah,” katanya.

Wet days ahead

> Water levels in some Selangor dams improve slightly due to recent rainfall

BY **ADRIAN PHUNG**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: If you are planning to go out in the afternoon in the next few days, remember to take an umbrella as the skies may open up.

The Meteorological Department forecasts isolated thunderstorms and showers in the afternoon.

The wet weather is expected in most parts of Kuala Lumpur and some parts of Selangor such as in Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor and Sabak Bernam.

Meanwhile, those residing in Petaling Jaya, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, and Sepang, can expect clear skies.

The Meteorological Department said the wet weather is mostly due to the current inter-monsoon season.

The recent rainfall has enabled the water levels at some of the seven dams in Selangor to improve slightly.

Tasik Subang dam yesterday recorded 86.31%, Batu dam (78.03%), Semenyih dam (71.59%), Sungai Tinggi dam (61.29%), Klang Gates (53.96%), Langat dam (50.24%) and Sungai Selangor dam (37.52%).

A National Water Services Commission spokesman said they were monitoring the water levels at all dams together with the Energy, Green Technology and Water Ministry.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 28
TARIKH: 11 APRIL 2014 (JUMAAT)

Latihan bersama tangani tumpahan bahan kimia

Pasir Gudang: Buat julung kalinya, Malaysia dan Singapura mengadakan latihan bersama bagi menangani tumpahan bahan kimia di laut. Latihan di kawasan Selat Johor di antara Johor dan Singapura itu dijalankan menerusi Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP).

Agensi Malaysia yang terbabit dalam latihan itu termasuk Jabatan Laut, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kimia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Pelabuhan Johor dan Johor Port Berhad.

Agensi Singapura yang mengambil bahagian ialah Pihak Berkuasa Pelabuhan Maritim (MPA) Singapura dan Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) Singapura.

Pengarah JAS Johor, Azuri Azizah Saedon, berkata latihan yang mencapai Prosedur Operasi Standard (SOP) kedua-dua negara itu penting bagi memastikan tindakan dapat diambil secara tepat dan cekap jika berlaku tumpahan bahan kimia.

Katanya, ia turut bertujuan meningkatkan kecekapan bertindak agensi kedua-dua negara, ditambah dengan kedudukan Selat Johor sebagai laluan kapal dagang dari seluruh dunia.

"Latihan ini juga membolehkan kita mengenal pasti koordinasi dan komunikasi kedua-dua negara dalam menghantar pasukan kecemasan untuk menangani kejadian tumpahan bahan kimia," katanya dalam satu kenyataan semalam.